

TAHAP PEMAHAMAN LEKSIKAL KATA KERJA DIALEK MELAYU KEDAH DI PULAU TUBA DAN SATUN

HARISHON RADZI

Universiti Kebangsaan Malaysia
naslin@ukm.edu.my

NOR HASHIMAH JALALUDDIN

Universiti Kebangsaan Malaysia
shima@ukm.edu.my

JUNAINI KASDAN

Universiti Kebangsaan Malaysia
junaini@ukm.edu.my

HAYATI LATEH

Universiti Kebangsaan Malaysia
itayahi@gmail.com

ANATI HAMIDAH ARIFIN

Universiti Kebangsaan Malaysia
ana_mida91@yahoo.com

ABSTRAK

Dialek Melayu Kedah (DMK) telah sekian lama dipertuturkan dalam kalangan penduduk di Pulau Tuba, Kedah dan di Satun, Thailand. Terdapat catatan sejarah bahawa Satun suatu ketika dahulu pernah berada di bawah naungan Sultan Kedah. Hal ini menjelaskan mengapa dialek pertuturan di kedua-dua kawasan tersebut adalah sama iaitu DMK. Sehubungan dengan itu, makalah ini membincangkan tahap pemahaman beberapa leksikal kata kerja yang diteliti berasaskan sosiokognitif yang berfokus kepada lokasi, umur, jantina dan tahap pendidikan penuturnya. Objektif artikel ini adalah pertamanya, menganalisis tahap pemahaman leksikal dengan menggunakan analisis *Vocabulary Recognition Task* (VRT) DMK di kedua-dua lokasi. Objektif kedua pula ialah menghuraikan tahap pemahaman leksikal DMK di kawasan kajian. Sehubungan itu, seramai 72 orang responden telah dipilih untuk menjawab soal selidik dan terlibat dengan sesi rakaman berkaitan leksikal kata kerja dalam DMK. Kajian ini juga bertujuan meneliti pertalian antara latar belakang sosial dan kognitif penutur atau ringkasnya sosiokognitif dengan tahap pemahaman terhadap leksikal DMK. Hasil soal selidik mendapati pemahaman responden terhadap DMK di Pulau Tuba mencatatkan 40.3% atau 29 dan 45.8 % atau 33 di Satun dengan jumlah keseluruhannya ialah 86.1%. Kesimpulan yang dicapai dalam artikel ini adalah tahap pemahaman DMK di kedua-dua kawasan adalah sangat baik. Impak daripada kajian ini memperlihatkan bahawa DMK di Pulau Tuba dan Satun masih kekal difahami, walaupun kini kedua-dua kawasan tersebut sudah berbeza pentadbiran politiknya.

Kata kunci: dialek Melayu Kedah, diplomatik; leksikal; sosiokognitif; pemahaman

THE COMPREHENSION LEVEL OF LEXICAL VERBS AMONG SPEAKERS OF KEDAH MALAY DIALECT IN TUBA ISLAND AND SATUN

ABSTRACT

The Kedah Malay Dialect (DMK) has long been the communication medium among the people of Tuba Island, Kedah and in Satun, Thailand. There is historical evidence that Satun was once under the Kedah Sultan patronage. This explains why the communication dialect spoken in both areas is the KDM dialect. This article discusses the comprehension level of several lexical verbs observed based on socio-cognitive aspect which focuses on location, age, gender and education. Among the objectives of this article are, first, analysis on the comprehension level of lexical items by employing the Vocabulary Recognition Task (VRT) analysis on DMK communicated at both locations. The second objective is to explain the comprehension level of DMK lexical at the research locations. 72 respondents were selected to respond to the questionnaire and recorded interviews regarding the lexical verbs in DMK. This article also was intended to observe the relation between social and cognitive background of the speakers or their socio-cognitive ability with the level of comprehension of DMK lexical. The result shows that the comprehension level of the respondents at Tuba Island are 40.3% or 29, and 45.8 % or 33 in Satun with a total percentage of 86.1%. In conclusion, the level of comprehension at both areas is 'very good'. The impact of this research shows that the DMKs on Tuba Island and Satun are still comprehensible, although both areas are under two different political administration.

Keywords: Kedah Malay Dialect; diplomatic; lexical; socio-cognitive; comprehension

PENGENALAN

Satun merupakan satu negeri yang berasal daripada sebahagian negeri Kedah. Ahmad Omar Chapakia (2003) menyatakan bahawa Raja Thai pertama yang berjaya menguasai politik negeri Kedah ialah Rama 1 iaitu pengasas dinasti *Chakri*. Tindakan Raja Rama I pada tahun 1802 yang menghantar tenteranya ke Kedah berjaya menyingkirkan Sultan Dhiauddin serta menaikkan Tengku Pengeran atau Sultan Ahmad Tajuddin sebagai Raja Kedah. Namun begitu, krisis demi krisis tetap berlaku walaupun Sultan Dhiauddin telah disingkirkan. Selanjutnya, pada tahun 1893, Rama III telah melaksanakan dasar kompromi dan polisi pecah dan perintah dengan memecahkan negeri Kedah kepada dua negeri kecil, iaitu Kedah dan Setul. Namun begitu, apabila berlakunya perjanjian Siam-British di Bangkok pada tahun 1909, Setul telah berpisah daripada negeri Kedah. Antara syarat yang termaktub dalam perjanjian tersebut ialah Kedah dan Perlis diserahkan kepada kerajaan British, manakala Setul diserahkan kepada kerajaan Siam. Sejak daripada perjanjian tersebut, Setul dijadikan sebagai satu daripada wilayah yang terletak di bawah pentadbiran kerajaan Thai, yang dinamakan dengan nama wilayah Satun sempena pemisahan tersebut Walaupun Satun dan Kedah telah berpisah, dialek yang dituturkan oleh penduduk di Satun tetap dibawa bersama, iaitu dialek Melayu Kedah (DMK) Utara.

Asmah (1985) juga menyatakan bahawa Langkawi juga merupakan daerah yang berada di bawah naungan Kedah. Walaupun DMK masih digunakan oleh penutur di Wilayah Satun, tetapi pengaruh fonetik orang-orang Thai tetap ada dalam pertuturan penutur di Satun dan menyebabkannya mempunyai sedikit perbezaan fonetik dengan negeri Kedah. Penggunaan DMK digunakan di Kawasan Pulau Tuba dan Satun bukan ditentukan oleh sempadan politik maka kedua-dua kawasan ingin membuktikan bahawa pertembungan antara dialek akan mengukuh dan memperkaya dialek di sesuatu kawasan. Namun begitu, situasi Kedah sekarang jauh berbeza kerana kebanyakan orang luar, apatah lagi pelancong, mereka melihat keistimewaan Kedah ini adalah pada keindahan Pulau Langkawi, Pantai Merdeka dan Menara Alor Setar yang seakan sinonim dengan pusat-pusat pelancongan. Pulau Langkawi juga merupakan antara daerah yang tidak asing lagi bagi orang di Malaysia, mahupun orang dari luar negara yang boleh diklasifikasikan sebagai pelancong luar negara. Hal ini kerana, selain daripada menjadi tempat pelancongan yang menarik, Pulau Langkawi juga begitu menyimpan khazanah bahan sejarah (Norfazila et al., 2017). Dalam kajian ini, dapat dilihat bagaimana dialek Melayu Satun yang ternyata berbeza daripada dialek Melayu Kedah telah bertapak di Kedah dan akhirnya dapat berasimilasi dengan dialek tempatan.

OBJEKTIF KAJIAN

Penyebaran antara DMK di Satun dan Pulau Tuba akan dianalisis menggunakan pendekatan sosiokognitif dalam menguji tahap pemahaman informan di kedua-dua kawasan. Objektif makalah ini adalah untuk menganalisis tahap pemahaman DMK di Pulau Tuba, Malaysia dan Satun, Thailand dengan menggunakan *Vocabulary Recognition Task* (VRT). Di samping itu, objektif makalah ini turut menyentuh penghuraian tahap pemahaman leksikal DMK di kedua-dua kawasan kajian berteraskan pendekatan sosiokognitif.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pengkajian mengenai pemahaman terhadap sesuatu leksikal dalam dialek bahasa Melayu bahkan dialek bahasa-bahasa lain bukanlah sesuatu kajian yang baru dalam kalangan ahli bahasa. Namun begitu, kajian yang meneliti tahap pemahaman DMK yang melibatkan dua kawasan kajian yang berlainan negara masih kurang diteliti oleh pengkaji lain. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat pengetahuan dan pemahaman DMK yang melibatkan kajian di Pulau Tuba, Malaysia dan Satun, Thailand. Antara rasional pengkaji ingin mengkaji pemahaman DMK di Pulau Tuba dan di Satun, adalah kerana kedua-dua kawasan ini mempunyai pengaruh DMK antara satu sama lain, meskipun berada dalam kedudukan geografi yang berlainan.

Pengkajian mengenai pengetahuan dan pemahaman leksikal telah banyak dikaji oleh pengkaji lepas. Antaranya ialah Junaini Kasdan (2013) yang mengkaji *Pengetahuan Dan Pemahaman Bahasa Istana dalam Kalangan Pelajar Universiti*. Junaini Kasdan menyatakan bahawa walaupun leksikal bahasa istana jarang digunakan oleh pelajar pada masa kini, namun sebagai sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan beraja, rakyat perlu mengetahui dan memahami bahasa yang digunakan. Wayan Rasna (2010) juga ada mengkaji mengenai pengetahuan dan sikap remaja terhadap sesuatu leksikal. Namun demikian, kajian yang

dilakukan ini bertujuan untuk melihat pengetahuan dan sikap remaja yang melibatkan 125 orang informan terhadap leksikal tanaman ubat-ubatan.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu berteraskan kepada linguistik iaitu yang melibatkan bahasa bagi kajian Junaini Kasdan (2013), manakala kajian yang dilakukan oleh Wayan Rasna (2010) lebih kepada non-linguistik, namun tetap memfokuskan kepada kajian pengetahuan dan pemahaman. Oleh yang demikian, pengkaji melihat terdapat satu kelompangan kajian, iaitu yang melibatkan kajian subbahasa dan dalam kajian ini memfokuskan kepada kajian dialek, iaitu DMK. Kajian yang melibatkan pengetahuan dan pemahaman terhadap sesuatu leksikal atau bidang ini penting kerana Chomsky (1965) pernah menyatakan bahawa, “*We thus make a fundamental distinction between competence (the speaker-hearer’s knowledge of his language) and performance (the actual use of language in concrete situation)*”. *Competence* dalam kata-kata Chomsky merujuk kepada pengetahuan, manakala *performance* pula merujuk kepada pemahaman dalam penggunaan bahasa dalam situasi sebenar.

Seterusnya, kajian yang melibatkan perbandingan bahasa Melayu yang dituturkan di dua buah kawasan yang berjiran, iaitu Malaysia dan Thailand telah dikaji oleh beberapa orang tokoh seperti Mohammad Fadzeli Jaafar et al. (2015) dalam kajian beliau ‘*Bahasa Sempadan Malaysia-Thailand : Pengekalan Vs Peralihan Bahasa*’ dan Kamaruddin Esayah (1999) dalam ‘*Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun Dengan Dialek Melayu Perlis*’. Antara kawasan yang dikaji oleh Mohammad Fadzeli et al. (2015) melibatkan dua variasi bahasa Melayu iaitu dialek Kelantan di sempadan Malaysia, dan dialek Melayu Pattani di sempadan Thailand. Dalam kajian ini, beliau membuktikan bahawa terdapat persaingan variasi bahasa antara kedua-dua kawasan kajian kerana kedua-dua subdialek bahasa Melayu tersebut telah menjadi bahasa pertama bagi komuniti di Rantau Panjang. Kajian yang dilakukan oleh Kamaruddin Esayah (1999) pula melibatkan daerah Satun tetapi aspek yang ditekankan dalam kajian ini lebih kepada kajian fonologi.

Antara hasil kajian yang melibatkan perbandingan bahasa dua sempadan ini adalah kedua-dua dialek tersebut mempunyai tiga jenis pola tekanan suara, iaitu tekanan utama, tekanan lemah dan tidak bertekanan serta mempunyai dua jenis struktur suku kata utama, iaitu struktur terbuka dan struktur tertutup. Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan suprasegmental dan struktur suku kata yang hampir sama. Oleh itu, kedua-dua pengkaji merupakan antara pengkaji yang melihat perbandingan dialek. Namun demikian, Kamaruddin (1999) beliau mengkaji aspek fonologi, sedangkan kajian ini mengkaji sosiokognitif. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Mohammad Fadzeli Jaafar et al. (1999) pula mirip kepada kajian yang pengkaji lakukan, namun demikian skop dan kawasan kajian berbeza, kerana kajian Mohammad Fadzeli Jaafar et al. mengkaji di sempadan Kelantan dan Pattani manakala kajian pengkaji di sempadan Langkawi dan Satun.

Seterusnya, kajian dialek Melayu di Thailand juga telah banyak dilakukan oleh pengkaji lepas, seperti Ahmad Omar Chapakia (2003) yang mengkaji tentang *Masyarakat Melayu di Thailand*. Kajian beliau cuba menjelaskan maklumat awal mengenai kawasan yang diduduki oleh masyarakat Melayu Islam yang berada di negara Thailand dan dikaitkan dengan sejarah yang telah terjadi. Kajian tersebut melibatkan empat kawasan utama, iaitu wilayah sempadan Selatan, wilayah Selatan di bahagian Utara, Kepulauan Melayu di Laut Andaman serta kawasan Bangkok dan wilayah pinggirannya, manakala kajian mengenai *DMK di Kawasan Wilayah Satun, Selatan Thailand* pula dikaji oleh Ruslan Uthai (2011). Kajian ini lebih memfokuskan

mengenai hubungan DMK di kawasan Satun dengan DMK lain di Thailand dan skop kajian lebih kepada aspek fonologi yang melibatkan perbandingan dari segi sistem bunyi, kesepadanan bunyi dan kosa kata. Ruslan Uthai menjelaskan bahawa terdapat kesinambungan antara DMK di Satun yang melibatkan kawasan Tambon Tammalang dan Tambon Chalung dengan DMK Urai Lawoi. Seterusnya, Worawit Baru (1990) pula mengkaji tentang *Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa Melayu di Thailand*. Kajian ini menjadikan institusi-institusi pengajian Tinggi seperti Universiti Prince of Songkhla, maktab, sekolah menengah dan sekolah rendah sebagai tempat penyebaran ilmu bahasa Melayu.

Walaupun terdapat banyak kajian yang mengkaji pengetahuan dan pemahaman, kajian perbandingan yang melibatkan bahasa dan dialek, namun kajian di sempadan Satun dan Langkawi tidak pernah dikaji dan disentuh lebih-lebih lagi dalam pengetahuan dan pemahaman yang melibatkan analisis sosiokognitif. Oleh hal yang demikian, pengkaji mengambil alternatif untuk membincangkan pemahaman DMK di Pulau Tuba dan Satun yang menggunakan analisis sosiokognitif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan kajian kuantitatif. Rozmi Ismail (2013) menjelaskan bahawa tujuan penyelidikan kuantitatif dilakukan adalah untuk menguji teori, membina fakta dan menyatakan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian. Selain itu, kajian yang menggunakan penyelidikan kuantitatif juga digunakan untuk mengetahui hubungan sebab-akibat sesuatu fenomena atau permasalahan itu berlaku. Asmah (2001) pula menambah bahawa kerja lapangan ialah tempat beradanya gejala atau benda yang hendak diselidik oleh seseorang. Manakala William J. Samarin (1967) pula menjelaskan bahawa kajian lapangan bertujuan memperoleh data linguistik dan mengkaji fenomena linguistik. Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan kajian lapangan yang memfokuskan kepada kajian dialek. Oleh itu, untuk mengumpulkan bahan dan isi kajian, pengkaji telah memecahkan kepada beberapa bentuk kaedah kajian yang saling berkaitan antara satu sama lain untuk menghasilkan satu kajian yang lengkap serta data kajian yang sahih. Kaedah yang digunakan ialah kaedah soal selidik. Soal selidik yang dibina adalah untuk menguji tahap pemahaman DMK kepada penutur di Pulau Tuba dan Satun. Soal selidik ini dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A

Bahagian ini mempunyai beberapa pecahan seperti sosial iaitu nama, umur, tahap pendidikan, dialek pertuturan di rumah, asal keturunan ibu bapa dan pekerjaan. Soalan-soalan ini diajukan bertujuan untuk melihat latar belakang sosial informan yang kebarangkaliannya mempunyai perkaitannya dengan kognitif informan terhadap leksikal yang telah diuji oleh pengkaji. Hasilnya, daripada 72 informan, sejumlah 33 adalah lelaki, iaitu 14 di Pulau Tuba dan 19 di Satun dan selebihnya 39 perempuan, iaitu 18 di Pulau Tuba dan 21 di Satun telah dipilih sebagai informan kajian. Status sosial informan dapat digambarkan seperti dalam jadual yang berikut:

JADUAL 1: Demografi Status Pendidikan Informan

Status pendidikan	Jumlah			Peratus (%)
	P. Tuba	Satun	Jumlah	
Sekolah rendah/ tidak bersekolah	15	29	44	61
Sekolah menengah	9	10	19	26
Institut pengajian tinggi	4	5	9	13

Jadual 1 menunjukkan bahawa status pendidikan merupakan aspek yang paling penting dalam mempengaruhi pemahaman leksikal DMK di Pulau Tuba dan Satun. Paparan data pada jadual 3.1 menunjukkan bahawa informan yang bersekolah pada tahap sekolah rendah atau tidak bersekolah menunjukkan jumlah yang paling tinggi iaitu seramai 44 orang bagi kedua-dua kawasan atau sebanyak 61%. Tahap pendidikan di sekolah menengah pula menunjukkan informan kedua tertinggi, iaitu seramai 19 orang informan dengan peratusan sebanyak 26% dan informan yang melanjutkan pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi, iaitu di IPT mencatatkan jumlah seramai 9 orang bagi kedua-dua kawasan atau 13%. Peratusan ini adalah lazim kerana informan yang bersekolah rendah atau tidak bersekolah dan sekolah pada tahap menengah merupakan kumpulan majoriti dalam status pendidikan di kawasan kajian.

Bahagian B

Bahagian ini pula merupakan bahagian yang menganalisis tahap pengukuran pemahaman terhadap leksikal. Bagi tujuan pengecaman tahap pemahaman leksikal DMK, sebanyak 10 leksikal yang terdiri daripada lima leksikal yang melibatkan kata kerja yang menggunakan tangan dan lima kata kerja yang tidak melibatkan penggunaan tangan. Leksikal yang digunakan merupakan kata kerja dalam DMK. Kata kerja yang menggunakan tangan merujuk kepada perbuatan yang dilakukan oleh penutur mesti melibatkan penggunaan tangan sahaja. Walaupun terdapat juga banyak perbuatan boleh dilakukan tanpa menggunakan tangan. Manakala, bagi kata kerja tidak melibatkan penggunaan tangan merujuk kepada perbuatan yang langsung tidak melibatkan penggunaan tangan. Justifikasi pengkaji menggunakan kata kerja yang berkaitan dengan tangan kerana menurut Asmah (2008 :123), kata kerja leksikal ialah kata kerja yang maknanya boleh ditakrifkan dengan merujuk kepada benda-benda di luar nahu. Dengan demikian, kata *makan* sebagai kata kerja leksikal boleh ditakrifkan sebagai, *perbuatan memasukkan makanan ke dalam mulut, dikunyah dan kemudiannya ditelan untuk mencegah kelaparan*. Sehubungan dengan itu, pemilihan kata kerja menggunakan tangan adalah bersesuaian dengan fokus kajian kerana perbuatan yang menggunakan tangan merupakan aktiviti yang lumrah dan sewajarnya mudah difahami oleh penutur.

Kata kerja leksikal yang menunjukkan perbuatan boleh dibahagikan kepada berbagai-bagai subgolongan, mengikut jenis perbuatan atau tindakan yang dirujuknya. Oleh hal yang demikian, pengkaji membahagikan kata kerja yang melibatkan tangan ini kepada dua subgolongan iaitu kata kerja yang menggunakan tangan dan kata kerja yang bukan menggunakan tangan. Beberapa leksikal telah disenaraikan dalam borang soal selidik yang melibatkan aspek kata kerja menggunakan tangan dan bukan menggunakan tangan (rujuk jadual 4). Pemilihan leksikal tersebut berdasarkan maklumat daripada penutur-penutur natif pengguna

DMK. Selain itu, leksikal yang diberi juga telah disemak dan turut disenaraikan dalam *Glosari Dialek Kedah* (Ismail Dahaman, 2015).

Kawasan Kajian

Kawasan kajian ialah di daerah Pulau Tuba, Pulau Langkawi, Malaysia dan di daerah Satun, Thailand. Oleh sebab kedua-dua kawasan ini menggunakan DMK yang hampir sama, maka pengkaji ingin melihat pengetahuan dan pemahaman leksikal-leksikal Melayu yang dipilih di kedua-dua kawasan tersebut. Kampung-kampung yang terlibat seperti yang berikut:

JADUAL 2: Nama Kampung-Kampung Kajian

Pulau Tuba, Langkawi	1) Kg. Teluk Berembang 2) Kg. Tepi Laut 3) Kg Lubuk Etak 4) Kg Selat Bagan Pauh
Satun, Malaysia	1) Kg. Chek Bilang 2) Kg. Tammalang 3) Kg. Ban Khuan 4) Kg. Chalung

Jadual 2 menunjukkan nama-nama kampung yang dikaji. Antara rasional kedua-dua kawasan ini dipilih adalah kerana menurut Ahmad Omar Chapakia (2003), Satun merupakan salah satu negeri yang berasal daripada sebahagian negeri Kedah. Hal ini secara tidak langsung dapat dijelaskan bahawa, DMK terutamanya Langkawi mempunyai pengaruh dialek yang sama akibat daripada perjanjian Siam-British di Bangkok yang berlaku pada tahun 1909. Peta 1 menunjukkan kedudukan Pulau Tuba, yang bersebelahan dengan Satun.



PETA 1 : Kedudukan Pulau Tuba dan Satun
Sumber : Google Map

Informan

Dalam kajian ini, pengkaji memerlukan informan yang merupakan penutur natif dialek di setiap kawasan yang dikaji. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa syarat yang harus dipatuhi dalam usaha untuk mencari informan bagi memastikan data yang dikumpulkan dan dikaji sah dan tidak diragui oleh pembaca. Pemilihan informan yang sesuai juga merupakan perkara yang perlu diambil kira agar data yang diperoleh tepat dan relevan. Terdapat beberapa ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji dalam memilih informan dalam kajian ini. Ciri-ciri tersebut perlulah dipatuhi seperti pemilihan umur, jantina, tahap pendidikan informan dan tempoh masa tinggal di kampung tersebut. Dalam kajian ini, pemilihan informan haruslah berusia dari 15 tahun dan 65 tahun dan ke atas yang dibahagikan kepada tiga kelompok iaitu: (i) Remaja: 15-25 Tahun; (ii) Dewasa: 26-55 Tahun; (iii) Warga Tua : 56 Tahun dan ke atas.

Pengkaji telah menetapkan untuk memilih informan daripada kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Pengkaji merasakan jenis-jenis jantina ini sesuai untuk dipilih sebagai informan kerana informan dari berlainan jantina ini mampu untuk memberikan maklumat bahasa yang diperlukan oleh pengkaji. Maka, pengkaji berasa sangat adil jika informan daripada kedua-dua golongan ini diberi peluang dan memanfaatkannya sebanyak mungkin data yang diperlukan. Namun, informan yang mampu menuturkan dialek dengan baik akan diberi keutamaan untuk menjadi informan.

Pengkaji juga menitikberatkan tempoh seseorang itu telah tinggal atau menetap di kawasan kajian. Informan yang tinggal di kawasan kajian sejak mereka lahir dan menuturkan DMK ialah informan yang paling sesuai. Segelintir informan yang bukan berasal daripada kampung tersebut tetapi telah menetap di kampung itu untuk tempoh yang lama juga dipilih, iaitu lebih kurang sepuluh tahun dan ke atas. Penutur yang menetap di kampung dalam tempoh yang lama dipilih, kerana pengkaji berpendapat mereka mampu memberikan data yang dikehendaki oleh pengkaji.

Pemilihan informan berdasarkan tahap pendidikan informan turut memainkan peranan yang penting dalam ciri-ciri pemilihan informan. Pengkaji menganggap penduduk yang mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah atau tidak bersekolah sangat menepati kriteria untuk dijadikan sebagai informan asalkan informan tersebut tidak buta huruf dan cukup sempurna alat artikulasinya, iaitu tidak sumbing dan sengau. Ketidaksempurnaan tersebut akan menyebabkan masalah dalam penyebutan leksikal, sekali gus menjejaskan data yang pengkaji peroleh. Hal ini demikian kerana, informan tersebut akan menuturkan DMK yang asli kerana tidak bercampur dengan penutur dialek-dialek lain.

Kaedah Wawancara


Wawancara atau *interview* merupakan teknik pengumpulan 31 data dengan cara bersua muka secara langsung antara pewawancara dengan informan. Biasanya wawancara dikukuhkan lagi setelah pemerhatian dilakukan dalam sesuatu kajian. Hal tersebut sesuai dengan pernyataan yang dikemukakan (Sugiyono, 2005:72) bahawa “wawancara digunakan sebagai teknik pengumpulan data yang dilakukan untuk penelitian pengkaji bagi mengetahui hal-hal daripada informan secara lebih mendalam”. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teknik wawancara berstruktur iaitu pengkaji menggunakan daftar kata yang telah disusun sebelum proses wawancara dimulakan.

Pengkaji menggunakan wawancara berstruktur agar pertanyaan lebih terfokus, sehingga data yang diperoleh tidak terkeluar daripada skop kajian pengkaji. Wawancara dilakukan kepada informan yang terdiri daripada 50 orang informan, iaitu 25 di Pulau Tuba dan 25 di Satun.

Pemilihan informan tersebut memang sudah direncanakan oleh pengkaji sejak awal kerana ingin membandingkan pendapat antara informan lelaki dengan perempuan, sehingga jumlah informan seimbang. Wawancara ini ditujukan untuk memperoleh data pemahaman informan terhadap leksikal DMK. Wawancara ini hanya mengambil masa antara 10 hingga 15 minit kerana daftar kata yang ingin ditanya kepada informan telah disenaraikan oleh pengkaji. Hal ini dilakukan bertujuan untuk mengenalkan informan menjawab pertanyaan di luar soalan pengkaji. Kaedah wawancara penting kerana menurut Harishon et al. (2015) bagi mendapatkan data-data sebenar sesuatu dialek, pengkaji perlu turun ke lapangan bagi proses pemerolehan data. Semasa proses mendapatkan data dilakukan, pengkaji menggunakan alat rakaman bagi merakam setiap perbualan, leksikal mahupun ayat yang dikeluarkan oleh informan.

Pendekatan Sosiokognitif

Dalam kajian ini, faktor sosial sangat penting dalam pengukuran pengetahuan dan pemahaman leksikal DMK yang berkaitan dengan kognitif informan. Hal ini demikian kerana manusia belajar melalui pemerhatian, membaca apa yang manusia lain lakukan dan membuat generalisasi umum tentang dunia.



RAJAH 1: Hubungan Manusia, Persekitaran dan Perlakuan

Hubungan ini merupakan hubungan timbal balik yang dinyatakan oleh Bandura (1989) yang merupakan personaliti dan dibentuk daripada manusia, persekitaran dan juga perlakuan. Vygotsky (1978), menjelaskan bahawa model sosiokognitif menekankan budaya sebagai penentu utama perhubungan individu. Manusia merupakan satu-satunya mahluk yang dicipta mempunyai budaya dan manusia berkembang dalam konteks budaya. Beliau menambah melalui budaya manusia memperoleh pengetahuan dan penelitian budaya menyediakan manusia proses dan kaedah berfikir yang dikatakan penyesuai intelektual.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan sosiokognitif yang telah diperkenalkan oleh Atkinson (2002) dalam penulisannya yang bertajuk *'Toward A Sociocognitive Approach To Second Language Acquisition. Modern Language Journal'*. Beliau menggunakan istilah tersebut kerana yakin bahawa bahasa dan pemerolehan bahasa bersifat

sosial dan kognitif. Selain itu, dalam bidang linguistik, penggabungan antara pendekatan sosial dan kognitif masih dianggap baru. Namun demikian, fenomena sosial dan kognitif yang selalu bergandingan antara satu sama lain yang dilihat menggunakan pendekatan sosiokognitif ialah bahasa.

Kajian ini melibatkan pendekatan antara disiplin dengan menggunakan pendekatan yang telah diperkenalkan oleh Atkinson (2002) iaitu penggabungan antara linguistik, psikologi, sosiologi serta falsafah kerana aspek-aspek inilah yang memberikan kesan kepada manusia dalam mengetahui serta memahami apa yang diujarkan oleh mereka dalam merepresentasikannya dalam kehidupan mereka. Dalam mengkaji pengetahuan dan pemahaman DMK secara konseptual, secara tidak langsung terdapat satu aspek, iaitu proses kognitif boleh dikaitkan dengan kehidupan sosial mereka. Aspek sosial memang tidak asing lagi dengan leksikal 'manusia' kerana jika adanya manusia maka adalah sosialnya. Oleh itu, kajian ini melihat sejauh mana sosial manusia, khususnya pendidikan mempengaruhi kognitif manusia dalam mengetahui dan memahami ujaran-ujaran yang selalu diujarkan oleh mereka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis pemahaman informan terhadap DMK melibatkan aspek soal selidik dan analisis sosiokognitif yang dibincangkan sepenuhnya pada bahagian berikutnya.

Analisis Item Berdasarkan Borang Soal Selidik

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan dapatan kajian secara terperinci dari segi pemahaman informan terhadap leksikal DMK, dengan mengelompokkan kata kerja yang dibahagikan kepada kata kerja yang menggunakan tangan dan kata kerja yang bukan menggunakan tangan. Dalam analisis ini, bagi pengelasan yang betul, pengkaji akan menandakan 1, manakala bagi jawapan yang salah pengkaji akan menandakan dengan 0. Kupasan bagi setiap leksikal yang dipilih dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pola pemahaman leksikal DMK di kedua-dua kawasan di mana faktor utama yang memainkan peranan dalam penentuan pemahaman informan ialah sosiokognitif. Hal ini secara tidak langsung dapat menjawab objektif kajian yang kedua iaitu menganalisis tahap pemahaman leksikal dengan menggunakan VKS DMK di Pulau Tuba, Malaysia dan Satun, Thailand.

Tahap Pemahaman Berdasarkan Sosiokognitif

Penganalisan tahap pemahaman DMK berdasarkan kepada pemarkahan. Jumlah markah dikelompokkan kepada 'lemah' (0.0% – 25.9%) 'sederhana' (26.0% – 50.9%), 'baik' (51.0% – 75.9%) dan 'sangat baik' (76.0% – 100.0%). Tahap pengetahuan ini diukur menggunakan kaedah yang disesuaikan daripada kaedah tugas pengecaman kosa kata VRT merupakan kaedah penilaian tertutup berasaskan guru yang digunakan untuk mengecam kosa kata dalam bidang tertentu. Sama seperti VRT, VKS, juga menggabungkan kaedah laporan sendiri dan pengetahuan kosa kata sasaran. Pada umumnya, tahap pemahaman informan terhadap leksikal DMK adalah 'sangat baik'. Berdasarkan pengelompokan tahap yang dilakukan, kajian

mendapati bahawa 62 (86.1%) iaitu 29 (40.3%) di Pulau Tuba dan 33 (45.8%) informan yang mempunyai tahap pemahaman yang baik terhadap DMK, 9 atau 12.5% beradap pada tahap 'baik' iaitu 3 (4.2%) di Pulau Tuba dan 6 (8.3%) di Satun dan seorang (1.4%) informan berada pada tahap lemah iaitu hanya informan dari Satun. Jadual di bawah menunjukkan peratusan tahap pemahaman informan terhadap DMK.

JADUAL 3: Peratusan Tahap Pemahaman

	Peratusan Tahap pemahaman					
	Sederhana		Baik		Sangat Baik	
		%	Σ	%	Σ	%
	Σ					
Pulau Tuba	0	0	3	4.2	29	40.3
Satun	1	1.4	6	8.3	33	45.8
Jumlah	1	1.4	9	12.5	62	86.1

Pada umumnya, majoriti tahap pemahaman informan di Pulau Tuba dan Satun terhadap DMK juga menunjukkan tahap yang 'sangat baik' iaitu (0.76–1.00). Seramai 29 orang informan dari Pulau Tuba atau 40.3% menunjukkan tahap pemahaman yang sangat baik, begitu juga informan dari Satun menunjukkan pemahaman terhadap leksikal Melayu Kedah pada tahap yang 'sangat baik' iaitu sebanyak 45.8% atau sebanyak 33 orang informan daripada jumlah keseluruhan di Satun iaitu 40 orang informan. Seterusnya, rajah 4.2 juga memaparkan bahawa terdapat 8.3% dari Satun atau 6 orang informan dan 4.2% atau tiga orang informan dari Pulau Tuba yang menunjukkan tahap pemahaman mereka terhadap DMK berada pada tahap 'baik' (0.51 – 0.75). Walaupun majoriti tahap pemahaman informan berada pada tahap 'sangat baik', namun demikian, di Satun, terdapat seorang informan dengan peratusan sebanyak 1.4% yang mempunyai tahap pemahaman terhadap leksikal DMK pada tahap yang 'sederhana' (0.26- 0.5).

Seperti analisis pada tahap pengetahuan informan juga, dalam analisis tahap pemahaman ini, peratusan tahap pemahaman menunjukkan peratusan yang memuaskan kerana 62 informan daripada 72 orang menunjukkan pemahaman dalam pengelasan kata kerja yang menggunakan tangan dan bukan menggunakan tangan. Hal ini demikian kerana penduduk di Satun banyak menggunakan DMK dalam percakapan seharian mereka kerana bersebelahan atau afiniti mereka dengan orang Melayu di utara Semenanjung Malaysia menyebabkan mereka dianggap sebagai lebih bersifat Malaysia daripada Thailand. Satu aspek yang mendasari kehampiran mereka dengan orang Melayu Malaysia ialah dialek mereka. Oleh itu, tahap pemahaman mereka terhadap leksikal dialek Melayu juga berada pada tahap yang tinggi terutamanya bagi generasi tua dan tidak kepada generasi remaja. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan penutur dialek di Pulau Tuba telah pun memperlihatkan peralihan atau penipisan bahasa iaitu dari dialek kepada BMS, bahasa yang dominan, bahasa yang berprestij dan sebagainya.

Menurut Teo Kok Seong (2000), peralihan bahasa adalah merujuk kepada kehilangan kecekapan berbahasa secara perlahan-lahan dalam kalangan penutur natif sesuatu bahasa itu. Akibatnya, para penutur natif bahasa berkenaan boleh menjadi kurang cekap atau tidak mahir langsung dalam menggunakannya. Hal ini antara lain, adalah kerana konteks penggunaan bahasa

natif itu sudah menjadi semakin kurang dan hanya digunakan untuk berhubung dengan ahli keluarga dan rakan-rakan sahaja.

Selanjutnya, Jadual 4 memaparkan data pemahaman informan terhadap tahap pengetahuan DMK mengenai kata kerja yang menggunakan tangan dan kata kerja yang bukan menggunakan tangan bagi mencapai objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti tahap pemahaman leksikal DMK di Pulau Tuba dan Satun. Dalam senarai tersebut dapat diperhatikan senarai kata kerja yang menggunakan tangan dan kata kerja yang bukan menggunakan tangan diletakkan dalam senarai yang sama bertujuan untuk memastikan bahawa pengguna DMK benar-benar memahami dan memilih kata kerja yang bersesuaian sahaja. Dalam soal selidik, pengkaji tidak meletakkan contoh-contoh ayat bagi kata kerja menggunakan tangan dan tidak menggunakan tangan kerana pengkaji meminta informan yang memberikan contoh ayat mereka sendiri. Lantaran itu, kajian ini dapat memastikan informan betul-betul memahami leksikal yang dipilih dan mampu memberikan contoh ayat yang turut menunjukkan konteks yang betul. Dalam kajian ini, pengkaji tidak melakukan analisis linguistik terhadap leksikal yang dipilih kerana fokus kajian bukan untuk membincangkan variasi leksikal tetapi berfokus kepada pemahaman informan yang sudah dikenal pasti dalam dialek Melayu Kedah.

JADUAL 4: Tahap Pemahaman Kata Kerja DMK

	Leksikal	Simbol fonetik	TAHAP PEMAHAMAN			
			Pulau tuba		Satun	
			Betul	Salah	Betul	Salah
Kata Kerja yang Menggunakan Tangan	Tomoih	tomoç	32	0	39	1
	Hambat	hambat	23	9	26	14
	Kelitin	kəlitin	24	8	36	4
	Tonyoh	toŋoh	31	1	39	1
	Balon	balon	32	0	38	2
	Seqeyat	səɣijət	29	3	36	4
	Kute	kute	32	0	38	2
	Keleh	kəleh	32	0	39	1
	Suwa	su ^w ɑ	32	0	39	1
	Lempaɣ	lempɑɣ	32	0	36	4
Kata Kerja Yang Bukan Menggunakan Tangan	Tomoih	tomoç	32	0	39	1
	Hambat	hambat	23	9	26	14
	Kelitin	kəlitin	24	8	36	4
	Tonyoh	toŋoh	31	1	39	1
	Balon	balon	32	0	38	2
	Seqeyat	səɣijət	29	3	35	5
	Kute	kute	32	0	38	2
	Keleh	kəleh	32	0	39	1
	Suwa	su ^w ɑ	32	0	40	0
	Lempaɣ	lempɑɣ	32	0	35	5

Berdasarkan Jadual 4, terdapat beberapa leksikal yang tidak difahami dengan jelas oleh informan baik di Pulau Tuba mahupun Satun. Leksikal ‘hambat’ merupakan leksikal yang paling tinggi kekerapan ketidakfahaman informan iaitu sebanyak 23 informan, diikuti oleh leksikal ‘kelitin’ iaitu sebanyak 12 orang dan ketiga ialah leksikal ‘seqeyat’ iaitu sebanyak lapan informan yang tidak faham pengelasan kata kerja DMK. Kebanyakan informan mengelaskan kata kerja ‘hambat’ sebagai kata kerja yang menggunakan tangan. Dengan pengelompokan kata kerja yang melibatkan tangan dan bukan tangan dalam analisis tahap pemahaman ini berjaya melengkapkan objektif kajian kedua iaitu menganalisis tahap pemahaman leksikal menggunakan VRT DMK di Pulau Tuba dan Satun.

Menurut Winkel dan Mukhtar dalam Sudaryono (2012), pemahaman merupakan kemampuan seseorang untuk memahami makna daripada bahan yang dipelajari, yang dapat dihuraikan dengan menggunakan isi-isi penting daripada pembacaan yang dilakukan serta dapat mengubah data atau bahan bacaan tersebut dalam bentuk yang mudah difahami. Manakala kognisi pula merupakan kepercayaan seseorang terhadap sesuatu yang diperoleh melalui proses berfikir (Junaini, 2013). Jadi, dapat dijelaskan bahawa pemahaman yang dikuasai oleh seseorang terhadap sesuatu perkara itu sebenarnya mempunyai hubungan kait dengan kognisi dan latar belakang sosial mereka. Hal ini demikian kerana kognisi mencerminkan pemikiran dan pemahaman yang tidak dapat diamati secara langsung. Pemahaman juga didefinisikan sebagai kemampuan seseorang dalam mengertikan, mentafsirkan, menterjemahkan atau menyatakan sesuatu dengan cara yang tersendiri tentang pengetahuan yang pernah dipelajari (Mohd Khairul Anuar, 2011).

Kajian ini dapat membuktikan bahawa kognisi informan terhadap pemahaman dalam DMK mempunyai perkaitan yang signifikan dengan faktor sosial yang menjadi latar belakang mereka. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa pemahaman yang tinggi terhadap DMK perlu dikekalkan di Pulau Tuba dan di Satun agar tidak pupus akibat daripada pengaruh sosiokognitif informan. Walau pun pada keseluruhannya tahap pemahaman informan terhadap leksikal DMK pada tahap ‘sangat baik’, namun masih terdapat informan yang memilih ‘hambat’ sebagai kata kerja yang menggunakan tangan sedangkan makna asal ‘hambat’ ialah ‘kejar’. Hasil rakaman daripada salah seorang informan iaitu Siti Rohani Mohd (25 tahun) menyatakan bahawa ‘hambat’ itu lebih kepada perbuatan *menghalau sesuatu* yang berbeza dengan makna yang sebenar iaitu ‘kejar’. *Kamus Dewan Edisi ke-empat (2013)* mendefinisikan ‘hambat’ sebagai berkejar-kejaran. Dapat diperhatikan bahawa pemahaman penutur DMK mempunyai sedikit perbezaan dengan penggunaan bahasa standard yang semata-mata mentakrifkan ‘hambat’ hanyalah perbuatan menggunakan kaki semata-mata. Berikut merupakan sedikit cebisan daripada hasil rakaman pengkaji:

Hambat ini biasanya guna tangan la dak? Cam kita halau lembu kat padang ka, halau kucin ka.. tapi tak tau la tang kot nung guna apa tok hambat ni. Kalu saya guna lagu tu la, hambat tu guna tangan la.

Siti Rohani Mohd, 25 tahun

Peratusan leksikal ‘hambat’ juga lagi rendah tahap pemahamannya di Satun kerana seramai 14 orang informan di Satun tidak memahami dan ada juga yang langsung tidak memahami leksikal tersebut. Selebihnya iaitu seramai 26 orang informan tetap memahami

makna ‘hambat’ yang dikaji. Informan Adam Mat Noh, 17 tahun dari Ban Khung tidak pasti leksikal ‘hambat’ dan secara tidak langsung dapat menjejaskan pemahaman informan tersebut dalam mengkategorikan kumpulan kata kerja yang dikaji. Berikut merupakan perbualan antara salah seorang informan di Satun yang tidak memahami maksud ‘hambat’ iaitu ‘kejar’ dalam DMK.

“Biasa kalu orang sini kalu hambat tu dia cam hambat laa.. hambat tu lagu mana nak habaq no.. haa.. hambat tu cam kita halau benda ka, macam hambat kucin, syuhhh syuhhh.. haa lagu tu la. Jadinya guna tangan la biasa.”

Adam Mat Noh, 17 tahun

Daripada penjelasan yang dilakukan oleh beberapa orang informan, pengkaji mendapati kajian ini menemukan dapatan baru dan berbeza dengan skop kajian pengkaji iaitu makna bagi leksikal ‘hambat’ ialah sesuatu perbuatan yang menggunakan tangan iaitu ‘halau’ dan juga bukan tangan iaitu ‘kejar’. Wawancara bersama informan membuktikan bahawa ‘hambat’ merupakan kata kerja yang menggunakan tangan dan kata kerja yang tidak menggunakan tangan.

“Hambat ni dia ada dua makna... satu makna tu macam halau la... cam kita halau kamin nak makan makanan ehh ehh makan rumputkan... kita hambat la tu... lagi satu makna dia kita ligan... ligan tu sama la makna dengan hambat. Awatla hang duk hambat dengan adik hang ni? dia buat apa kat hang? Macam tu la hambatnya.”

Md. Arshad Ali, 76 Tahun

“Tau. Hambat... ayat dia macam...tadikan aku tengokkan kucin tu duk hambat tikuih kat ataih ghumah. Laa...”

Ropannah Chat, 60 Tahun


Seterusnya, leksikal ‘kelitin’ pula menunjukkan kekerapan yang kedua tertinggi yang tidak difahami oleh informan kajian. Dalam Glosari DMK (1997), ‘kelitin’ membawa maksud ‘mundar-mandir’, ‘berlegar-legar di sekitar sesuatu tempat dengan tujuan tertentu’. Jadual 1.4 mencatatkan bahawa, informan yang berada di Pulau Tuba iaitu seramai lapan orang tidak dapat memahami leksikal ‘kelitin’ dengan baik dan sekali gus informan-informan tersebut salah dalam mengkategorikan kumpulan kata kerja. Informan selebihnya iaitu seramai 24 orang dapat memahami leksikal ‘kelitin’ dengan baik.

Di Satun pula, keseluruhan informan ialah seramai 40 orang dan hanya empat daripada jumlah tersebut yang tidak memahami leksikal ‘kelitin’ dan salah dalam mengkategorikan kata kerja. Selain itu, seramai 36 orang informan lagi dari Satun berjaya mengelompokkan leksikal ‘kelitin’ dengan baik dan sempurna. Hal ini menunjukkan bahawa era globalisasi yang serba-serbinya menuntut penggunaan bahasa Inggeris menyebabkan sesetengah masyarakat Malaysia dan penggunaan bahasa Thai di Satun yakin bahawa bahasa Melayu lebih-lebih lagi dialek Melayu tidak lagi digunakan atau diamalkan dalam sistem pendidikan dan pentadbiran. Namun demikian, kajian ini menangkis andaian tersebut. Hal ini dapat dibuktikan bahawa lebih daripada 60 orang informan daripada 72 orang yang mampu memahami leksikal ‘kelitin’ dengan baik dan berjaya mengkategorikan leksikal tersebut dengan tepat berdasarkan kumpulan kata kerja menggunakan tangan dan kata kerja yang bukan menggunakan tangan. Umumnya, informan

memberi jawapan atau maklum balas sesuai dengan pemerhatian mereka terhadap persekitarannya. Dalam hal ini mereka masih sering melihat atau mendengar bahawa DMK yang lama masih digunakan, terutama dalam oleh generasi tua.

Leksikal 'seqeyat' pula merupakan leksikal yang ketiga tertinggi yang tidak difahami oleh sesetengah informan. Namun demikian, ia merupakan angka yang kecil sahaja. *Glosari DMK* (1997), menjelaskan 'seqeyat' ialah 'reda' atau 'berhenti' yang hanya dirujuk kepada hujan sahaja manakala, *Kamus Dewan* Edisi keempat (2013) menjelaskan bahawa leksikal 'segeyat' merupakan leksikal daripada negeri Kedah. Informan yang tidak memahami leksikal 'seqeyat' iaitu di Pulau Tuba dan Satun masing-masing sebanyak tiga dan empat orang informan sahaja. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa leksikal 'seqeyat' merupakan leksikal yang digunakan dalam percakapan seharian informan di Kedah.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa terdapat leksikal 'hambat', 'kelitin' dan 'seqeyat' yang tidak difahami maknanya oleh sebilangan informan kerana beberapa faktor seperti pendidikan. Rajah 1 menunjukkan taburan tahap pemahaman yang dipengaruhi oleh tahap pendidikan terhadap DMK di Pulau Tuba dan Satun:



RAJAH 1: Tahap Pemahaman DMK mengikut Pendidikan

Berdasarkan graf dalam rajah berkenaan, tahap pendidikan merupakan faktor yang terbesar dalam mempengaruhi tahap pemahaman informan terhadap sesuatu dialek. Rajah 1 juga menunjukkan seorang informan yang mendapat pendidikan tahap sekolah menengah atas mempunyai tahap pemahaman 'sederhana' terhadap kata kerja yang melibatkan penggunaan tangan dan bukan tangan mengenai DMK. Pada tahap pemahaman 'baik' pula, seramai tiga informan yang berpendidikan sekolah menengah atas mempunyai tahap pemahaman 'baik',

seramai dua orang informan daripada pendidikan sekolah menengah rendah dan universiti juga mempunyai tahap pemahaman DMK pada tahap 'baik'. Seterusnya, informan yang mendapat pendidikan hanya tahap sekolah rendah pula merupakan informan yang paling ramai faham dalam pengkategorian kata kerja DMK iaitu sebanyak 25 orang informan iaitu pada tahap 'sangat baik', diikuti oleh informan yang mendapat pendidikan sekolah menengah atas iaitu sebanyak 15 informan.

Tahap pemahaman 'sangat baik' juga turut diketahui oleh informan yang mempunyai tahap pendidikan di sekolah menengah rendah dan tidak bersekolah iaitu masing-masing seramai sebelas dan sepuluh informan. Selain itu, terdapat dua informan yang melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti juga mempunyai tahap pemahaman dalam pengelompokan kata kerja dalam DMK pada tahap 'sangat baik'. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa, informan yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah lebih memahami pengelasan kata kerja dalam DMK berbanding informan yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi seperti leksikal kajian iaitu 'hambat', 'kelitin', dan 'merton'. Hal ini demikian kerana, pendidikan merupakan salah satu faktor kepada berlakunya penghakisan dialek kerana di sekolah menggunakan BMS sebagai bahasa pengantar dan informan ini juga malu untuk bercakap menggunakan dialek ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan lebih-lebih lagi dengan rakan yang berlainan negeri. Selain itu, pengaruh televisyen juga turut diambil kira. Berbeza dengan informan yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah, informan lebih ini lebih selesa menggunakan dialek natif ketika bercakap tidak kira dengan siapa dia bercakap. Hal ini menunjukkan bahawa, leksikal yang dikaji masih kekal digunakan terutamanya informan yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah berbanding informan yang mempunyai pendidikan yang tinggi.

Penghuraian terhadap tahap pemahaman DMK di Pulau Tuba dan Satun mempunyai signifikan terhadap sosial dan kognitif penutur. Penjelasan yang dikemukakan oleh pengkaji berjaya mencapai objektif terakhir kajian iaitu menghuraikan tahap pemahaman leksikal DMK di Pulau Tuba dan Satun berteraskan pendekatan sosiokognitif. Kajian ini juga melibatkan pendekatan antara disiplin, yakni linguistik, psikologi, serta sosiologi kerana aspek-aspek inilah yang memberikan kesan kepada manusia menangkap dan memahami leksikal DMK. Dalam mengkaji aspek penggunaan dialek secara konseptual, terdapat satu aspek proses kognitif yang boleh dikaitkan dengan humor. Humor merupakan unsur linguistik yang agak rapuh maknanya bergantung kepada ketepatan masa yang diujarkan, persekitaran yang sesuai, konteks sosial dan sebagainya.

IMPLIKASI

Kependudukan adalah suatu faktor yang integral dalam perancangan dan pembangunan negara. Pengkajian ke atas dua kawasan iaitu Pulau Tuba dan Satun dapat memberikan satu gambaran terhadap tahap pemahaman informan secara berbeza-beza terutamanya mengikut lokasi, jantina, tahap kumpulan umur dan tahap pendidikan informan. Lokasi kajian, iaitu di Pulau Tuba dan Satun yang merupakan wilayah yang berbeza sempadan politik. Namun demikian, walaupun berbeza sempadan politik, namun penggunaan leksikal DMK juga digunakan di kawasan Satun kerana Satun pernah menjadi sebahagian daripada negeri Kedah sebelum Perjanjian Bangkok 1909.

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, informan di kedua-dua kawasan kajian menunjukkan peratusan tahap pemahaman pada tahap yang 'sangat baik' iaitu 86.1%. Dapatan kajian menunjukkan bahawa informan perempuan lebih banyak memahami leksikal DMK dengan 'sangat baik' kerana informan perempuan lebih banyak mengujarkan kata-kata. Hal ini sepadan dengan bukti kajian bahawa perempuan mengujarkan kata-kata sebanyak 20,000 leksikal sehari berbanding lelaki iaitu sebanyak 7000 leksikal sahaja sehari. Maka dapat disimpulkan dan dibuktikan dalam kajian ini, kaum perempuan lebih banyak berkomunikasi berbanding informan lelaki yang menentukan bahawa perempuan lebih banyak membantu dalam mendapatkan data yang sahih dan lebih tepat dalam kajian pengetahuan dan pemahaman DMK ini di Pulau Tuba dan Satun.

Kajian mendapati kesemua golongan umur masih menggunakan DMK dengan aktif. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil daripada mereka tidak memahami beberapa leksikal yang ditanya. Mereka terdiri daripada individu dalam lingkungan umur 45 dan ke bawah. Sebab utama adalah kerana golongan umur 45 tahun dan ke bawah kurang mengetahui dan memahami leksikal kajian ini kerana kebanyakan mereka masih bersekolah yang bercampur antara BMS dan juga dialek, serta mereka yang bekerja di sektor kerajaan mahupun swasta seperti guru, pegawai kerajaan, kontraktor dan berniaga Kerjaya ini memerlukan mereka berinteraksi secara rasmi dan tidak rasmi dengan penutur daripada pelbagai latar.

Selanjutnya, kajian ini mendapati informan yang mempunyai tahap pendidikan terutamanya mereka yang bersekolah sekolah menengah bawah sehinggalah ke peringkat universiti mempunyai pemahaman yang rendah terhadap DMK jika dibandingkan dengan mereka yang tidak bersekolah dan mereka yang mempunyai tahap pendidikan setakat sekolah rendah sahaja. Bahasa Melayu khususnya DMK digunakan dalam pelbagai situasi dan konteks. Secara tidak langsung, dalam interaksi sosial, mereka terdedah dan terbiasa dengan penggunaan bahasa dan mempelajari sifat-sifat linguistik bahasa Melayu secara tidak sedar. Hal ini sejajar dengan pandangan kebanyakan ahli-ahli psikolinguistik bahawa pengetahuan bahasa boleh dikuasai melalui dua cara, iaitu menerusi proses pemerolehan dan proses pembelajaran (Mohd Asri Harun et al., 2017).

KESIMPULAN

Kajian ini mencatatkan peratusan tahap pemahaman oleh informan bagi kedua-dua kawasan kajian adalah 'sangat baik'. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun faktor sosiokognitif mempengaruhi sesetengah informan terhadap DMK, namun majoriti informan masih memahami makna-makna leksikal terutamanya leksikal yang jarang dipakai oleh generasi muda. Oleh hal yang demikian, timbul persoalan yang perlu dilengkapkan dengan menjalankan kajian lanjutan mengenai *adakah berlakunya pengekalan atau peralihan DMK di Pulau Tuba atau Satun yang dipisahkan oleh dua sempadan politik yang sangat berbeza iaitu Malaysia dan Thailand? Dan adakah pengekalan atau peralihan dialek tersebut dipengaruhi oleh faktor sosiokognitif informan?.* Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa kajian yang bersifat lanjutan lebih-lebih lagi dua kawasan yang mempunyai pengaruh dialek yang sama perlu dilakukan. Landasan teori yang kukuh yang sesuai dengan bidang kajian juga dapat merungkai persoalan-persoalan yang belum terjawab.

Ujian untuk tahap pemahaman seseorang sentiasa menjadi persoalan dalam pemikiran ahli bahasa. Namun begitu, data dan maklumat yang sahih serta autentik daripada informan kajian menjadikan persoalan tersebut dapat dijawab dengan jelas dan tidak berlaku kekeliruan antara ahli bahasa tersebut lagi. Oleh itu, kajian ini telah berjaya membuktikan secara deskriptif dan sistematis bahawa tahap pemahaman informan di Pulau Tuba dan di Satun masih berada pada peratusan yang 'sangat baik', walaupun dipisahkan oleh sempadan politik dan mempunyai latar belakang yang berbeza-beza. Selanjutnya, latar belakang sosiokognitif yang berbeza juga didapati mempunyai implikasi tersendiri terhadap tahap pemahaman informan. Aspek sosial setiap informan juga turut mempengaruhi tahap pemahaman informan terhadap leksikal DMK khususnya leksikal-leksikal yang jarang digunakan dalam kehidupan seharian mereka terutamanya kumpulan umur dan tahap pendidikan informan. Semakin tinggi tahap pendidikan semakin rendah pemahaman informan terhadap DMK sama ada di Pulau Tuba ataupun di Satun.

RUJUKAN

- Ahmad Omar Chapakia. 2003. Masyarakat Melayu di Thailand. Kertas Seminar Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut Yang Ke-2, Kuala Terengganu, Terengganu, Ogos.
- Ajib Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2001. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkinson, D. 2002. Toward A Sociocognitive Approach to Second Language Acquisition. *Modern Language Journal*, 86, 252-245.
- Chomsky, N. 1965. *Aspects of The Theory of Syntax*. Cambridge, Mass.: M.I.T. Press.
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2015. Pelestarian Kaedah Lapangan: Penerapan Terhadap Kajian Geo Dialek. *Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia*, Vol. 19(1), 058-077.
- Hassan Mat Nor. 1998. Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan. Dlm. Hassan Ishak (Peny.), *Orang Asli dan Cabaran Pembangunan Masa Kini: Usaha dan Tindakan yang Direncanakan oleh Jheoa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 109-110.
- Ismail Dahaman. 2015. *Glosari Dialek Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junaini Kasdan. 2013. Pengetahuan dan Pemahaman Leksikal Bahasa Istana dalam Kalangan Mahasiswa: Kajian Kes. Seminar Institusi Raja (Siraj). Anjuran Unimap Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-70 DYMM Tuanku Raja Perlis. Kuala Lumpur, Jun.

- Junaini Kasdan. 2011. Sikap, Perspesi dan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Sosiokognitif. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamaruddin Esayah. 1999. *Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Perlis*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Georgetown.
- Maria A. Pei & Frank Gaynor. 1954. *A Dictionary of Linguistics*. New York: Philosophy Library.
- Mohd Asri Harun, Zulkifly Hamid & Kartini Abd. Wahab. 2017. Kajian Perbandingan Sikap dan Kecekapan Komunikatif Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid-Murid Melayu Bandar dan Luar Bandar. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember, 289-303.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammad Azlan Mis & Hayati Lateh. 2015. Bahasa Sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan Vs Peralihan Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 5 Bil. 1, 1-9.
- Mohd Khairul Anuar. 2011. Pengetahuan, Persepsi dan Pemahaman terhadap Penghayatan Patriotisme dan Nasionalisme dalam Kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara di Malaysia. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mustaffa Omar & Ishak Yussof. 2006. Transisi Sosial dan Cabaran Pembangunan Lestari di Pulau Tuba, Langkawi. *Jurnal E-Bangi*, Volume 1, 1-22.
- Norfazila Ab. Hamid, Norhasliza Ramli & Rahim Aman 2017. Sistem Jaringan Komunikasi Langkawi Varian Kedawang. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember 2017, 407-418.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Penyelidikan Multi Disiplin: Mensejagatkan Bahasa Melayu di Pentas Dunia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jilid 8 Bil. 1, 1-13.
- Sudaryono. 2012. *Dasar-Dasar Evaluasi Pembelajaran*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Sugiyono. 2005. *Metode Penelitian Kualitatif*. Bandung: Alfabeta.
- Rozmi Ismail. 2013. *Metodologi Kajian Teori dan Praktis* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruslan Uthai. 2011. Keistimewaan Dialek Melayu Patani. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi Dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, Vol. 18(2), 030-046.
- Smalley, W.A. 1994. *Linguistics Diversity National Unity: Language Ecology in Thailand*. Chicago: The University Of Chicago Press.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1995. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Teo Kok Seong. 2000. *Sosiolinguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vygotsky, L.S. 1978. *Mind in Society : The Development of Higher Pscyologic Processes*. Tesis Sarjana, Harvard University Press, Cambridge.
- Waemaji Paramal. 1991. *Long Consonants in Patani Malay: The Result of Word and Phrase Shortening*. Tesis MA, Mahidhol University, Bangkok.
- William J. Samarin. 1967. *Field Linguistics: A Guide to Linguistics Fieldwork*. New York: Holt.
- Worawit Baru. 1990. Pengaruh Bahasa Thai ke atas Dialek Melayu Pattani: Kajian Kes Sosiolinguistik di Wilayah Pattani, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil kajian daripada penyelidikan Pelestarian Tamadun Melayu di Langkawi dan Satun, Thailand, dengan kod TD-2015-004. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas sumbangan geran penyelidikan tersebut.

Biodata Penulis:

Harishon Radzi

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Program Linguistik, Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah geolinguistik, morfologi dan linguistik dan komunikasi.

Nor Hashimah Jalaluddin

Penulis ialah Profesor di Program Linguistik, Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. beliau mengkhusus dalam bidang semantik dan pragmatik, leksikografi, akal budi Melayu dan kini meneroka bidang geolinguistik. Beliau banyak melakukan penyelidikan dan menerbitkan buku serta artikel jurnal ilmiah.

Junaini Kasdan

Penulis ialah Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengkhusus dalam bidang semantik dan pragmatik, peristilahan, filologi dan kini terlibat dengan projek geolinguistik.

Hayati Lateh

Penulis merupakan calon Doktor Falsafah (Kajian Linguistik) di Program Linguistik, Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Sebelum ini, beliau ialah mantan pengajar kursus Bahasa Thailand di pusat tersebut.

Anati Hamidah Arifin

Penulis merupakan lulusan Sarjana Kerja Kursus Sains Sosial di Program Linguistik, Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK).